

3 MAR 1996

ASEM-Ekonomi (Analisis Berita)

HANYA MASA AKAN TENTUKAN KEJAYAAN ASEM

Oleh: Michael Raj

BANGKOK, 3 Mac (Bernama) -- Retorik Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) pertama masih lagi belum reda, tetapi hanya masa yang akan menentukan sejauh manakah kemajuan ekonomi yang dibawanya.

Selain daripada pelbagai tindakan susulan yang akan diambil, 10 pemimpin Asia Timur dan 15 pemimpin Eropah yang bertemu pada sidang kemuncak tidak formal selama dua hari di sini telah memberikan petunjuk bahawa pelbagai kemungkinan yang menarik sedang menanti ASEM pada masa hadapan.

Menjelang pertemuan ASEM kedua di London pada 1998, besar kemungkinan kedua-dua rantau itu telahpun melaksanakan beberapa projek ekonomi yang berfaedah kepada kedua-dua pihak.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang terkenal dengan sikapnya yang suka berterus terang berkata bahawa beliau berpuas hati dengan ASEM yang berbeza daripada perkumpulan-perkumpulan lain yang lebih memberi tumpuan kepada dasar-dasar dan tidak membawa banyak faedah kepada pesertanya.

Kepujian juga harus diberi kepada para pemimpin negara-negara peserta yang tidak membuang banyak masa untuk melaksanakan tindakan susulan kepada sidang kemuncak berkenaan. Perkara pertama di dalam agenda susulan itu ialah satu persidangan mengenai pelaburan Eropah di Asia di Geneva pada 1 April ini yang mana Suruhanjaya Eropah akan menjadi tuan rumah.

Tiga bulan selepas itu, satu mesyuarat tidak rasmi para pegawai kanan perdagangan akan dilangsungkan di Brussels bagi mencari jalan untuk menggalakkan kerjasama ekonomi khususnya cara-cara untuk meliberalisasikan perdagangan dan pelaburan.

Pengerusi sidang kemuncak berkenaan, Perdana Menteri Thailand Banharn Silpa-archa, dalam kenyataan penutupnya berkata sebagai permulaan, tumpuan harus diberikan kepada isu-isu yang sedang dibincangkan oleh Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bagi mewujudkan pasaran bebas.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata cadangan Kesatuan Eropah (EU) untuk mewujudkan satu kanun pelaburan antarabangsa, satu cadangan yang bertentangan dengan dasar WTO, tidak boleh diterima terutamanya jika ia mejejaskan kepentingan Asia.

Dr Mahathir berpendapat bahawa "persaingan yang adil" dalam bidang perdagangan dan pelaburan adalah tidak sah jika persaingan berkenaan ialah antara negara maju dengan negara kurang maju, tetapi beliau menambah kata bahawa langkah membuka pasaran adalah satu proses dua hala.

Satu lagi langkah bermakna yang diambil bagi menjayakan ASEM ialah pembentukan satu kumpulan bekerja bagi merangka draf Pelan Bertindak Galakan Pelaburan Asia-Eropah. Thailand diberikan tempoh enam bulan bagi membentuk kumpulan bekerja berkenaan.

Sebagai permulaan, matlamat pelan itu ialah untuk meningkatkan pelaburan Eropah di Asia, yang kini ketinggalan di belakang pelaburan dari Jepun dan Amerika Syarikat, di samping mengenal pasti peluang-peluang dan halangan kepada pelaburan.

Selain itu, Paris akan menjadi tuan rumah kepada Forum Perniagaan Asia-Eropah tahun ini, satu langkah tepat dalam menarik penyertaan sektor swasta yang bertanggungjawab untuk melaksanakan komitmen-komitmen yang diberikan oleh para pemimpin pada sidang kemuncak berkenaan.

Bagi meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi, menteri-menteri ekonomi ASEM akan bermesyuarat di Jepun tahun depan manakala satu

persidangan perniagaan akan diadakan juga pada tahun depan di tempat yang masih belum ditentukan.

Malaysia, sementara itu, telah dipertanggungjawabkan untuk merapatkan jurang antara Asia dan Eropah, kerana ia telah diberikan tugas untuk menyelaraskan kajian mengenai projek mengintegrasikan rangkaian laluan keretapi trans-Asia dan menyambungkannya dengan Eropah.

Ia akan menyusul selepas bermulanya projek keretapi dalam rancangan Pembangunan Lembangan Mekong dan seterusnya mengkaji kemungkinan menghubungkannya dengan rangkaian laluan keretapi trans-Eropah.

Satu daripada kebimbangan Malaysia mengenai ASEM ialah kemungkinan ia akan dijadikan satu pertubuhan secara rasmi.

Bagaimanapun, satu berita baik ialah negara-negara peserta, khususnya dari Eropah, telah menegaskan supaya ianya dilangsung secara tidak formal pada masa hadapan kerana cara berkenaaan membawa lebih banyak faedah.

Sebelum sidang kedua di London dan ASEM ketiga di Korea Selatan, satu mesyuarat menteri-menteri kewangan telah dirancang di samping cadangan untuk mewujudkan Rangka Kerja Kerjasama Asia-Eropah.

Pujian harus diberikan kepada Thailand kerana menganjurkan ASEM dengan jayanya sungguhpun menghadapi tugas yang berat dari segi lojistik dan keselamatan dalam memberikan permulaan yang baik bagi ASEM.

Presiden Suruhanjaya Eropah Jacques Santes mungkin memberikan kesimpulan mengenainya apabila beliau berkata ASEM yang pertama mengesahkan pepatah "pokok yang paling tinggi bermula daripada biji benih yang kecil".

Jika para pemimpin Asia dan Eropah terus memupuk hubungan baik yang sedia terjalin, rakyat daripada kedua-dua rantau akan berpeluang untuk menikmati daripada hasil usaha mereka itu tidak lama lagi. -- Bernama.

MR MZ AHH